



10 NOV, 2022

Pasaran EV di Malaysia dijangka meningkat

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Pasaran EV di Malaysia dijangka meningkat

Pasaran kenderaan elektrik (EV) Malaysia dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) lebih 31 peratus menjelang 2030.

Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata berdasarkan kajian Macquarie, pasaran EV yang merangkumi kenderaan hibrid dan dikuasakan bateri diramalkan menyumbang 17 peratus kepada jualan tahunan baharu dalam tempoh kurang 10 tahun akan datang.

"Pertumbuhan EV di Malaysia akan dipacu perkembangan infrastruktur pengecasan hasil komitmen Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) serta Tenaga Na-

sional Bhd (TNB) yang melihat potensi dalam program ChargeEV.

"Menjelang 2030, TNB menjangka pasaran EV berkembang kepada 18,000 titik pengecasan untuk 524,409 kenderaan elektrik dikuasakan bateri (BEV) di atas jalan, dengan pendapatan berasaskan elektrik tahunan sebanyak RM1.25 bilion bersamaan dengan potensi 4.4 juta tan pengurangan pelepasan karbon dioksida (CO₂)," katanya ketika menyampaikan ucapannya pada *Invest Malaysia Series 2: The Road to EV* di Kuala Lumpur, semalam.



Abdul Wahid Omar

Yang turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Macquarie Group, Shemara Wikramanayake dan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Muhamad Umar Swift.

Abdul Wahid berkata, perkembangan EV di Malaysia juga berterusan dengan Shell dan PETRONAS iaitu dua jenama terkemuka di Malaysia telah mengembangkan tawaran dalam industri berkaitan.

Katanya, pada separuh pertama, Shell melancarkan perkhidmatan Pengecasan Pantas 180kW Shell dengan langganan

tahunan dan pilihan bayar setiap penggunaan, manakala Petronas Dagangan Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan JOMCharge untuk memasang pengecas pantas di stesen PETRONAS.

"Pada September lalu, PETRONAS melancarkan pembekal penyelesaian tenaga bersihnya Gentari yang menyasarkan, antara lain penghantaran 25,000 titik pengecasan awam merentasi pasaran utama mereka di Asia Pasifik menjelang 2030," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan, pengeluaran teknologi bateri Korea Selatan terkemuka di dunia, Samsung SDI Energy telah mengumumkan pelaburan RM7 bilion untuk kemudahan

pembuatan bateri canggih yang akan mewujudkan 1,300 pekerjaan baharu.

Katanya, kemudahan itu dijangka memiliki keupayaan untuk menghasilkan sehingga kira-kira 800 juta sel bateri setiap tahun.

"Ini adalah kawasan pertumbuhan yang menarik dengan potensi besar untuk mewujudkan manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar.

"Adalah penting untuk kita terus menyokong industri yang boleh menjana aspek kemajuan ekonomi dan perubahan alam sekitar ini. Di similiah Pasaran Karbon Sukarela Bursa Malaysia (VCM) akan memainkan peranan penting," katanya.